

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1987/88
HSE 351 - Sejarah Eropah Moden

Tarikh: 10 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari
(3 jam)

Kertas Peperiksaan ini mengandungi tujuh(7) soalan.

Jawab **EMPAT(4)** soalan.

1. Setujukah anda dengan pendapat yang mengatakan Revolusi Perancis itu hanya merupakan revolusi borjuis semata-mata?

2. "Saya ingin memerintah manusia sepertimana mereka mahu diperintah." (Napoleon Bonaparte).

Berjayakah Napoleon Bonaparte di dalam hal ini?

3. "Pada pokoknya, para liberal kelas menengah dalam tahun 1848 cuba mengendalikan satu revolusi politik tanpa satu revolusi sosial yang menyeluruh, tetapi mereka tidak berjaya." (P.N. Stearns)

Bincangkan.

4. Bagaimanakah pemahaman anda tentang konsep **Machiavellian** yang terdapat di dalam pemerintahan Bismarck?

5. "Sosialisme tidak boleh diisytiharkan dari atas. Jiwanya menentang pendekatan birokratik yang mekanikal; sosialisme yang hidup dan kreatif adalah penghasilan rakyat jelata sendiri." (Lenin).

Sejauh manakah prinsip ini mempengaruhi pencetusan dan pengendalian Revolusi Rusia?

6. Bolehkah dikatakan Stalinisme dan komunisme berkait rapat dan tidak mungkin dipisahkan? Kemukakan jawapan anda dengan merujuk kepada tindakan dan dasar Stalin di Rusia.

.../2

7. "Sesungguhnya, tidak ada pemerhati politik pada tahun 1928 dapat menduga bahawa lima tahun kemudiannya Hitler akan berkuasa dan sistem demokrasi berparlimen hancur."
(F.L. Carsten)

Betulkah kebangkitan Hitler merupakan sesuatu yang di luar dugaan? Jelaskan.

-ooo00ooo-